

Sajak:

Penderhakaan

(i)

Entahlah,

Apa lagi yang mau diucapkan,

Kerana, kalau esok takdir telah mengimbau,

Hari ini pasti maut telah mengetuk pintu rumahku!

Berbicaralah panjang-panjang,

Dalam benuamu sendiri dan terkunci,

Dan biarlah ya, biarlah dikamarmu,

Anak-anak telanjang dengan dada kontang.

Percayalah,

Kalau mereka itu bangun bersertanya tekad,

Pastikanlah: Bahawa maut telah hampir ke rumahmu,

Dan bersedialah untuk menghadapi mati.

(ii)

Entahlah,

Apa yang mau dikatakannya tentang bicara ini,

Dan akan pastilah lagi kepadanya dan generasinya

Bahawa: Ini satu penderhakaan!

Tinta Hijau